

Dalami setiap isu berbangkit

20 JUN 2002

KUALA LUMPUR 19 Jun — Kementerian Pendidikan meminta pihak tertentu yang masih kurang jelas dengan perubahan dasar berkaitan pendidikan mendalami setiap isu yang berbangkit.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad berkata, pemahaman itu bukan sahaja perlu malah begitu penting dihayati terutama apabila ia menyentuh hak-hak istimewa orang Melayu.

Katanya, untuk mendapatkan kefahaman itu pihak berkenaan perlu merujuk kepada kementerian untuk mengetahui setiap perubahan yang dilakukan.

“Di sebalik isu-isu ini, niat sebenar kerajaan ialah untuk mengukuhkan jati diri orang Melayu dan ia perlu dilihat dari sudut positif,” katanya selepas menghadiri Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO di sini, hari ini.

Musa mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa usul undi tidak percaya yang dikemukakan oleh UMNO Bahagian Senai terhadapnya ekoran pembukaan kuota 10 peratus kepada bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Program Matrikulasi, tidak mengikut prosedur parti.

Musa berkata, setakat ini beliau belum menerima bantahan secara rasmi daripada pertubuhan atau individu berhubung perubahan yang berlaku dalam pendidikan sejak beberapa bulan ini termasuk bantahan UMNO Bahagian Senai.

Selain soal kuota itu, isu besar yang dimaksudkannya ialah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah serentak mulai tahun depan.

Jika kurang jelas — Musa

Beliau juga meminta semua pihak tidak berasa bimbang terhadap pelaksanaan semua dasar baru itu kerana ia sebetulnya tidak menjejaskan kepentingan orang Melayu.

Malah katanya, kementerian bersedia dan akan membantu semua pihak yang terlibat dalam perubahan berkenaan seperti guru, pelajar dan ibu bapa.

Menurutnya, kementerian bukan sahaja mempunyai masa mencukupi untuk melaksanakan perubahan itu tetapi mempunyai tenaga profesional yang akan memantau pelaksanaannya.

“Biarlah jawatankuasa profesional yang ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan dasar baru itu bekerja dengan baik,” katanya.

Selain itu, kementerian katanya memberi peluang kepada semua pihak terlibat untuk menyiapkan diri dalam tempoh masa yang sesuai.

“Saya minta semua pihak menerima keputusan kerajaan dan tidak memperbesarkan hal-hal berkaitan masalah yang mungkin timbul dalam pelaksanaan dasar itu,” katanya.

Katanya, kalau terlalu memikirkan soal masalah maka semua perkara yang mahu dilakukan tidak akan berjaya.

Mengulas mengenai beberapa pihak di Kelantan yang mendakwa belum bersedia menerima perubahan itu, Musa berkata, perkara yang sama juga berlaku di tempat-tempat lain.

“Semua kebimbangan yang tercetus akan kita atasi dengan perbuatan, bukannya cakap-cakap kosong semata-mata,” katanya.